
**SEJARAH, TAKRIFAN, KONSEP DAN
FALSAFAH**

BEBERAPA PANDANGAN TENTANG PERKEMBANGAN PENGARUH FAHAMAN SYIAH DI ALAM MELAYU

- ⊙ Para sarjana berselisih pendapat berhubung apakah aliran Islam yang pertama muncul di alam Melayu. Terdapat sekelompok sarjana yang cuba menyatakan bahawa aliran Syiah telah wujud seawal kemunculan agama Islam di Alam Melayu. Menurut mereka, aliran Syiah lebih awal wujud dengan penghijrahan orang-orang Syiah secara individu (terutama yang berketurunan Sayyid-Syarif) dan berkumpulan, bahkan Syiah pernah bertapak sebagai mazhab rasmi negara Islam Alam Melayu yang terawal.
- ⊙ Kehadiran aliran Syiah ini dianggap telah memainkan peranan yang sangat penting dalam penyebaran Islam di rantau Melayu. Kedatangan para pendakwah Syiah ini sering kali dikaitkan dengan dua alasan iaitu, kekejaman pemerintah terutamanya Bani Umayyah dan aktiviti penyebaran Islam di rantau ini (Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman, 2009) di mana sekelompok Arab keturunan Alawiyyin telah melarikan diri ke Champa dari kekejaman tentera al-Hajjaj. (Sayyid Alwi Al-Haddad, 1997).
- ⊙ Al-Haddād memetik penjelasan al-Nuwayri (1955M) dalam kitabnya, *Nihayah al-Arab fi Funun al-Adab* yang menyatakan, “di sebelah Timur negeri China terdapat sekumpulan bangsa Arab yang terdiri daripada penyokong-penyokong Ali bin Abi Talib dikenali sebagai Alawiyyin mendiami Sulawesi. Mereka datang ke Sulawesi menerusi Champa.” Mahayudin Yahya menamakan golongan ini sebagai Syiah (Alawiyyin) yang melarikan diri daripada tentera al-Hajjaj dan menyebarkan ajaran Syiah.
- ⊙ Begitu juga, kedatangan pendakwah Syiah telah dilaporkan oleh beberapa sarjana. Antaranya kehadiran ulama Zaidiyah dari Yaman yang bernama Sulaiman bin Abdullah pernah tiba di Aceh pada tahun 850M. Direkodkan juga Syiah telah tiba di Timur Sumatera pada masa pemerintahan Bani Buwayh pada tahun 359 H/969 M dan telah menetap di Siak. Parameswara juga didakwa menerima Islam daripada seorang Syiah yang sampai di Tanah Melayu kerana dia memakai gelaran Sayyid yang diberi nama Islamnya Sayyid Abdul Aziz. (*Memorandum Syiah*, 2011).

- ⊙ Ini disokong oleh perolehan dapatan kajian yang menyatakan bahawa pemikiran budaya Syiah telah wujud di Alam Melayu seawal abad ke-12 M, menerusi ajaran tasawwuf falsafah. Begitu juga pengaruh budaya Syiah ini begitu ketara dalam beberapa amalan ritual dan sastera Melayu klasik yang bersifat keagamaan dalam masyarakat Melayu. Perkembangan budaya Syiah telah dibantu dan diperkukuhkan lagi oleh peranan pendakwah golongan berketurunan Ahlul Bait dan kegiatan ahli tasawwuf falsafah yang dianggap mempunyai peranan yang sangat besar dalam penyebaran Islam di alam Melayu.
- ⊙ Kemashyuran dan kehebatan Negara Iran agak menonjol dengan lahirnya ramai alim ulama seperti Imam Ghazali di sebelah Khurasan, Imam Bukhari dari wilayah Parsi yang telah dipisahkan dengan Uzbekistan, Imam Tirmidzi juga dari wilayah Parsi di sebelah bahagian Tarmudz, Imam Nasa'ie dari wilayah Nasa', Imam Abu Daud dari wilayah Fistan iaitu merupakan tempat bagi penganut Syiah dan lahirnya seorang ulama bernama Ayatollah Sayyid Ali al-Fistani, begitu juga dengan Imam Fakhr al-Din al-Razi dari Tehran, Ibnu Sina dan lain-lain.
- ⊙ Dalam hal ini bagi mereka yang berkunjung ke tanah Iran sudah pasti menjadi seorang penganut fahaman Syiah kerana kayanya ulama dan sumber ilmu di sana. Maka, mereka yang berada di Malaysia khususnya di Selangor juga menjadi mudah untuk tertarik dengan fahaman ini kerana kekayaan ulama dan sumbernya di sana. Kerana itu, apabila pelajar-pelajar atau mereka yang melakukan penyelidikan dan perbandingan mengenai fahaman Syiah, tidak hairanlah mereka akan terjebak dengan fahaman ini.
- ⊙ Pengaruh dan fahaman Syiah ini semakin merebak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Khomeini di Iran pada tahun 1979, di mana Revolusi Iran telah mendorong dan meningkatkan gerakan dan kesedaran Islam di kalangan para pelajar universiti dan anak muda. Konsep autoriti ulama dan perlaksanaan undang-undang Islam oleh Ayatollah Khomeini begitu memukau golongan Islamis di Malaysia. Pengaruh ini telah membawa kepada tindakan menghantar pelajar Malaysia untuk belajar di pusat pengajian tinggi di Iran, di samping mendapat tawaran biasiswa daripada kerajaan republik itu. (Ashaari Muhammad, 1987).

- ⊙ Menurut Kamil Zuhairi (2010: Temu Bual, 25 November), penganut Syiah di Malaysia ini adalah kebanyakannya penganut Syiah setelah Revolusi Iran berlaku dan bukan berasal dari Syiah asli seperti golongan habib dan pengikutnya yang memang menganut fahaman Syiah sebelum tercetusnya Revolusi Iran.
- ⊙ Kejayaan menegakkan sebuah negara Republik Islam Iran dalam tahun 1979, menyebabkan negara-negara Islam termasuk Malaysia memberikan sokongan penuh tanpa menyedari bahawa secara tidak langsung fahaman Syiah mula tersebar.
- ⊙ Penyebaran fahaman Syiah menerusi beberapa cara, antaranya:

1.

- Melalui lawatan pembesar-pembesar Iran ke Malaysia yang disusuli dengan kempen dan penerangan fahaman Syiah serta lawatan para pelawat Malaysia ke Iran.

2.

- Melalui pelajar-pelajar Malaysia yang ditawarkan belajar ke Iran dengan pemberian biasiswa yang secukupnya atau melalui lawatan para pegawai Kedutaan Iran di Malaysia yang membuat siri kunjungan ke institusi pengajian tinggi tempatan.

3.

- Melalui pemberian hadiah-hadiah yang berupa buku-buku fahaman Syiah kepada perpustakaan umum seperti perpustakaan universiti, masjid dan pengaturanan pelbagai kempen yang telah ditentukan.

4.

- Melalui perhubungan antara rakyat Malaysia dengan rakyat Iran sama ada melalui perdagangan ataupun hubungan sosial.

- ⊙ Laporan sebuah akhbar mingguan yang bertarikh 6 Ogos 1983, melaporkan berita berhubung beberapa tokoh Islam dari Malaysia telah menghadiri Mukhtamar Alami Lil Hajj tajaan pihak Iran di Dakka, Bangladesh pada 26-30 Jun 1983.
- ⊙ Pergerakan Syiah menyusup masuk ke Malaysia terus digiatkan dari tahun ke tahun. Pada 2 Oktober 1987, sebuah mingguan Islam telah melaporkan bahawa Syiah Imamah telah hidup subur di kalangan ulama tertentu dan setengah mereka telah terpengaruh dengan fahaman itu. Selanjutnya, mingguan tersebut menyiarkan pendapat seorang ulama dan tokoh akademik yang disegani yang menyeru para alim ulama supaya jangan lagi bertolak ansur dengan kesesatan ajaran Syiah dan berusaha

menulis buku-buku yang menunjukkan percanggahan aqidah antara Syiah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- ⊙ Pelbagai usaha dilakukan oleh pendukung Syiah termasuklah menubuhkan persatuan yang dikenali dengan nama "Darul Husaini" bertujuan untuk mengembangkan fahaman Syiah kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, pendaftarannya telah ditolak atas nasihat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 19 September 1992.
- ⊙ Begitu juga terdapat laporan sebuah akhbar berbahasa Melayu yang bertarikh 25 Oktober 2013 yang melaporkan sekumpulan rakyat Malaysia termasuk tiga orang guru agama yang giat menyebarkan ajaran Syiah dari Iran di negeri Selangor menerusi gerak kerja menziarahi ke rumah-rumah. Ahli-ahli kumpulan tersebut dikatakan telah pergi ke Iran selama dua minggu dengan bantuan pihak tertentu.

KEDATANGAN SYIAH KE SELANGOR SECARA KHUSUS

Terdapat setengah pandangan menyatakan negeri Selangor merupakan tempat pertama yang diduduki oleh Syiah yang berasal dari hanya beberapa individu kemudian bercambah dan bertambah lebih ramai. Kedatangan Syiah melalui cara ini pula adalah mempunyai empat jenis iaitu:

(*Sumber: Kamil Zuhairi 2010: Temu Bual, 25 November; Abu Dzar Latip 2010: Temu Bual, 26 November; Kasmawi 2010: Temu Bual, 25 November; Wan Zailan 2011: Temu Bual, 7 Januari).*)

1. Melalui seorang Syeikh dari Pakistan sebelum Revolusi Iran

Pengaruh Syiah di Selangor pula dikatakan dibawa masuk melalui seorang individu, Syed Muhammad Hussain atau dikenali sebagai Pak Habib, seorang individu yang berasal dari Pakistan yang warak dan amat dihormati sebelum Revolusi Iran. Beliau merupakan seorang tabib Ayur Vedic, di mana sambil beliau menjual ubat, beliau juga membawa bersama beberapa kitab-kitab Syiah. Disebabkan perwatakan beliau yang dihormati, maka ramai yang mengikuti ajaran beliau, bukan sahaja disebabkan perwatakan beliau yang menjadi tarikan, tetapi disebabkan khidmat beliau dalam mengubati yang menjadikan beliau begitu masyhur di kalangan masyarakat. Kebetulan pula dengan berlakunya Revolusi Iran, maka beliau disanjung dan dijadikan sebagai rujukan tempat bertanya tentang permasalahan agama dan permasalahan masyarakat. Ini menjadikan fahaman Syiah datang dari dua arah yang sangat penting yang menjadi tunjang utama penyebaran mazhab Syiah di Selangor.

Kelompok yang paling awal menganut fahaman Syiah ini adalah kelompok yang mana mereka mengikuti Pak Habib ini sendiri, kerana pada ketika menularnya fahaman Syiah oleh Pak Habib ini, Revolusi di Iran ini masih lagi belum berlaku. Maka, kelompok pertama yang menjadi Syiah di Selangor ini adalah melalui Pak Habib sendiri. Kelompok ini sebenarnya pada peringkat awalnya tidaklah ramai, mereka hanyalah sekitar 10 sehingga 15 orang sahaja yang mengikuti Pak Habib, tetapi apabila mereka ini digabungkan dengan

pelajar-pelajar Selangor dari negeri-negeri luar yang sudah menjadi Syiah maka bertambah ramailah pengikut dan kumpulan Syiah.

Kemunculan awal ini telah menyediakan asas yang kukuh untuk perkembangan ajaran dan budaya pemikiran Syiah selepas era Revolusi Iran 1979 terutamanya di Malaysia.

2. Melalui Gerakan Islam

Di samping mereka yang sudah terlibat dengan fahaman Syiah ini (sama ada melalui Pak Habib dan sumber-sumber yang lain), antara satu lagi cara kedatangan Syiah ke Selangor ini adalah melalui gerakan-gerakan Islam yang bergerak secara aktif seperti Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang mana sebahagian daripada mereka ini terpengaruh dengan Syiah kerana pernah pergi ke Iran atau dari wadah-wadah yang lain seperti persidangan di Iran dan lain-lain. Di sana mereka mendapat bahan-bahan bacaan tentang ajaran dan fahaman Syiah berbentuk buku, majalah dan lain-lain mendorong mereka untuk melakukan perbandingan dan pengkajian. Malah, salah sebuah buku oleh Imam Khomeini (pencetus Revolusi Iran) sendiri yang bertajuk, *Hukumah Islamiyyah* merupakan yang pertama sekali diterjemahkan sendiri oleh gerakan ABIM.

3. Melalui mahasiswa dan pensyarah di institusi pengajian tinggi di Selangor

Cara ini adalah antara penyebab kepada berkembangnya Syiah yang paling pesat di sekitar Selangor kerana golongan terdidik ini adalah golongan yang sangat berautoriti tinggi dalam penyebaran apa jua bentuk fahaman yang wujud pada mereka. Secara realitinya kita sendiri dapat lihat betapa berpengaruhnya cendekiawan dan pelajar di universiti di mata masyarakat kerana masyarakat amat mempercayai mereka. Maka, melalui golongan ini sama ada pensyarah mahupun pelajar di universiti-universiti tempatan, mereka melakukan kajian-kajian yang begitu banyak sekali sehingga menjadi penyebab utama dalam penyebaran fahaman Syiah ini di sekitar Selangor. Menerusi hujah Syiah yang kelihatan kukuh di samping penyelidikan mereka yang berpengaruh, maka bertambah kuatlah

pegangan mereka terhadap Syiah ini dan pandangan mereka mula mempengaruhi masyarakat khususnya di Selangor.

4. Melalui sumber dari dalam negeri Selangor

Masyarakat mula mengenali Syiah sedikit demi sedikit melalui penyebaran terhadap fahaman Syiah ini di dada akhbar. Hentaman dan kecaman yang dilemparkan terhadap Syiah membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali Syiah di mana tidak kurang juga ramai di kalangan penganut Syiah ini bukanlah penganut yang benar-benar faham tentang ajaran yang dibawa dan permasalahan aqidahnya, tetapi semata-mata mahukan keuntungan dunia seperti membenarkan nikah mut'ah atau kerana mudah untuk melakukan ibadah seperti solat, yang mana waktunya sangat fleksibel. Ini terbukti menerusi kenyataan oleh bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohammed Khusrin Munawi dalam akhbar Harian Metro bertarikh 17 Disember 2010 ketika serbuan dilakukan terhadap Hauzah ar-Ridha di Sri Gombak yang menyatakan, "*Bagi lelaki, tarikan seks dipercayai menjadi antara sebab utama mereka mudah mengikuti fahaman Syiah kerana fahaman ini menghalalkan nikah mut'ah.*" (Harian Metro, 17 Disember 2010).

DEFINISI SYIAH



- ⊙ Menurut etimologi bahasa Arab, takrifan Syiah adalah sebagai penolong, pembela dan pembantu. Selain itu, Syiah juga membawa maksud sebagai kaum, pengikut, golongan atau firqah dalam bahasa Arab. Penggunaan perkataan Syiah adalah untuk menunjukkan makna kumpulan manusia yang saling mengikut antara satu sama lain.
- ⊙ Manakala pada sudut istilah dan terminologi syari'at pula, Syiah adalah satu kelompok individu yang lahir daripada kumpulan orang Islam yang mengutamakan Sayyidina Ali RA berbanding Sahabat-Sahabat lain dan mengutamakan keluarga Rasulullah SAW yang terpilih sahaja. Mereka berpegang pada pendapat bahawa imam dan jawatan khalifah itu khusus bagi Sayyidina Ali RA, secara dalil nas dan melalui wasiat Rasulullah SAW sama ada secara jelas atau sebaliknya. Bagi golongan ini kedudukan imam itu tidak akan beralih tangan kepada selain daripada anak-anak keturunan Sayyidina Ali. Mereka juga membawa kepercayaan yang terpesong dan menyeleweng berkenaan perkara-perkara asas dalam ajaran sebenar Islam yang dibawa oleh Nabi Muhamad SAW dalam aspek ketuhanan, kenabian, pemerintahan (*al-imamah*), pendirian tentang Sahabat dan isteri Rasulullah SAW.

- ⊙ Antara beberapa pandangan tentang kelompok atau golongan ini adalah:
1. Mereka yang mengikuti Sayyidina Ali dan mendahulukan beliau daripada Sahabat-Sahabat Nabi yang lain. (Ali Mustofa, *Kitab Tarikh Firaq Islamiyyah*, ms. 285).
 2. Mereka yang mengikuti Sayyidina Ali secara khusus dan mengatakan tentang imamiyyah, khalifah dan semuanya tidak boleh kepada orang lain melainkan Ahlul Bait Sayyidina Ali. (As-Syahrastani, Muhammad bin Abdul Karim, *Kitab Al-Mal Wa Nahal*, Jilid 1, ms. 146).
 3. Mereka yang berintifaq atau sepakat bahawa Sayyidina Ali adalah sebaik-baik manusia selepas Rasulullah SAW. (Ibnu Hazm, Abu Ali bin Muhammad Az-Zahiri, *Fasal Fi Al-Mal Wa Nahal*).

NAMA-NAMA SYIAH

Imamiyyah Ithna Asyariah

Imamiah

Rafidah

Jaafariah

Ahlul Bait

MAZHAB DALAM SYIAH

- ⊙ Menyatakan tidak wujud mazhab dalam ajaran Syiah.
- ⊙ Akan tetapi ada sebahagian golongan Syiah yang terkeluar atau berpecah dari kalangan Syiah yang disebut sebagai Ahlul Bait. Antara Syiah yang wujud adalah Syiah Ismaili dan lain-lain. Menurut Kamil Zuhairi lagi dalam membuktikan hujahnya, Syiah ini ada bermacam jenis ragam dan pandangan. Apa yang jelas Syiah ini hanyalah satu mazhab sahaja, mereka itulah yang disebut sebagai Ahlul Bait. Syiah yang lain sebenarnya merupakan golongan yang menyeleweng dari ajaran Syiah sebenar.

IKTIKAD SYIAH

1. • Tauhid
2. • Nubuwah
3. • Ma'ad
4. • Keadilan Allah
5. • Imam 12

IMAM 12

1.	• Ali bin Abi Talib
2.	• Hasan bin Ali
3.	• Husin bin Ali
4.	• Ali Zainal Abidin bin Husin
5.	• Muhammad Al Baqir bin Ali
6.	• Jaafar As Sadiq bin Muhammad Al Baqir
7.	• Musa Al Kazim
8.	• Ali Ar Rida
9.	• Muhammad Al Jawwad
10.	• Ali Al Hadi
11.	• Al Hasan Al Askari
12.	• Muhammad bin Hasan Al Askari

1. Syiah Tayyibi Bohra (Dawood Bohra)

- Merupakan pecahan dari Syiah Ismailiyyah dan juga dikenali dengan nama Syiah Musta'liyah kerana mengiktiraf Al-Musta'ly dan keturunannya sebagai imam mereka di mana anak Musta'ly bernama al-Tayyib. Maka, golongan ini juga dikenali dengan gelaran Taiyyibiah.
- Merupakan kumpulan yang berasal dari India di mana kebanyakannya terdiri daripada kalangan India Muslim dan Pakistan.
- Menggunakan nama Persatuan Dawoodi Bohra Muslim Selangor dan mendiami dan berpusat khususnya di Daerah Klang.
- Merupakan pemilik kedai Bombay.
- Mempunyai tanah perkuburan dan masjid sendiri.
- Mendapat dana operasi daripada sumbangan oleh ahli sama ada di Malaysia atau di India.

2. Syiah Ismailiyyah

- Merupakan pecahan daripada Syiah Ismailiyyah yang muncul di Iran pada awal kurun ke-19 Masehi.
- Merupakan kumpulan yang bergerak di sekitar Lembah Klang di kalangan pemilik kedai-kedai Peerbhai.
- Mempunyai jumlah pengikut tidak diketahui tetapi bilangannya lebih kecil daripada kelompok Tayyibi Bohra.

3. Syiah Jaafariyyah atau Imamiyyah Ithna Asyarah

- Mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979.
- Menyebarkan dan mengembangkan pengaruh fahaman ke negara ini melalui bahan-bahan bacaan dan orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran.
- Memburuk lagi keadaan apabila beberapa orang pensyarah universiti tempatan memainkan peranan untuk menyebarkan fahaman Syiah Jaafariyyah secara serius kepada pelajar-pelajar mereka di IPT dan mereka juga bertindak menterjemahkan beberapa buku fahaman Syiah ke dalam bahasa Melayu.
- Mempunyai markas di Sri Gombak, Selangor dan beberapa negeri lain di Malaysia.

4. Syiah Al-Yamani @ Ansar Al-Mahdi

- Merupakan kumpulan yang dihukum sesat oleh golongan Imamiyyah sendiri.
- Menubuhkan markas mereka yang pertama di Klang, Selangor pada 12 Jun 2013.
- Mempercayai Imam al-Mahdi terdiri daripada 12 orang. Imam al-Mahdi yang pertama telahpun lahir iaitu Ahmad bin al-Hasan. Kumpulan ini hanya percaya Ahmad al-Hasan sekarang ini sebagai imam maksum mereka dan 12 Mahdi selepas Mahdi. Takrifan maksum mereka sedikit berlainan daripada Syiah Imamiyyah manakala dari segi usul agama dan Rukun Islam pula, mereka sama sahaja, malah dalil 12 Mahdi selepas Mahdi itu juga adalah daripada kitab-kitab Syiah.